

19/09/2003

`Pengiktirafan pahlawan untuk Dr M, Pak Lah'

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan diiktiraf sebagai pahlawan negara sempena sambutan ulang tahun Barisan Nasional (BN) ke-50, Sabtu ini.

Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata Perdana Menteri diberi pengiktirafan itu kerana jasa beliau kepada parti, kerajaan, agama dan negara.

"Begitu juga Pak Lah, sebagai pengganti Dr Mahathir, kita yakin beliau mampu meneruskan perjuangan dan membawa negara ke arah kecemerlangan yang lebih hebat.

"Perbezaan latar belakang antara Perdana Menteri sebagai seorang doktor dan Pak Lah, tokoh agama yang disegani, tidak seharusnya menimbulkan pelbagai reaksi kerana dalam dunia yang berhadapan dengan isu agama yang bertentangan, tentunya akan memberi kelebihan kepada Pak Lah untuk menghadapi dugaan dan cabaran akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan raptai sambutan ulang tahun BN di Stadium Merdeka di sini, semalam.

Mohamed berkata, bagi memeriahkan sambutan itu, orang ramai digalakkan memakai pakaian biru bagi melambangkan warna rasmi bendera dan logo BN.

Katanya, pada sambutan itu, Dr Mahathir dan Abdullah akan diarak menaiki Proton Cabriolet dan diiringi lagu Pahlawanku berserta 14 pembawa bendera komponen BN.

Perayaan yang dijangka dihadiri kira-kira 50,000 pemimpin dan ahli BN itu, bertema `Kecemerlangan Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia'.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan amanat penting pada sambutan itu.

Mohamed berkata, Ketua Penerangan Umno Wilayah Persekutuan, Datuk Kamaruddin Ambok akan mewakili seluruh warga BN membacakan ikrar untuk rakyat.

"BN berikrar akan terus bekerja untuk rakyat bagi memastikan negara kekal aman dan makmur.

"BN juga berjanji semua kaum akan melalui kehidupan yang lebih bahagia, sesuai dengan usaha kerajaan untuk mencapai imbalan hak terhadap semua kaum menerusi semangat kongsi kuasa," katanya.